



**KENYATAAN TENDER
MAJLIS PERBANDARAN NILAI
(JABATAN KEJURUTERAAN)
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan (Bumiputera) bagi pendaftaran dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

BIL	TAJUK KERJA	TARIF SYARIKAT (PKK)	PENDAFTARAN SPKK & CIDB (KATEGORI & PENGKHUSUSAN)	TARIK & TEMPAT BERKUMPUL BAGI TUJUAN LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN TANDER MULA DIJUAL & AKHIR DIJUAL	HARGA DOKUMEN TENDER DAN BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, TEMPAT DAN WAKTU TENDER DITUTUP
1.	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN PERDANA COLLEGE HEIGHT PAJAM, NEGERI SEMBILAN	BUMI - PUTERA	Gred: G4 SAHAJA Kategori : CE Pengkhususan: CE01 & CE21	Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Nilai No. 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persiaran Pusat Bandar, Bandar Baru Nilai. 12 Februari 2018 (Isnin) 9.30 Pagi	Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Nilai 12 Februari 2018 (Isnin) Sehingga 22 Februari 2018 (Khamis)	RM371.00 (termasuk gst) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Nilai	Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Nilai, Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persiaran Pusat Bandar Baru Nilai. 26 Februari 2018 (Isnin) Sebelum 12.00 T/hari

2. Waktu dokumen tender boleh disemak dan diperolehi di **Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Nilai** pada waktu pejabat seperti berikut :-
Isnin hingga Jumaat - 8.30 pagi hingga 4.00 petang
3. **Lawatan tapak adalah WAJIB.** Petender atau wakilnya yang SAH sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak dan bagi tujuan pendaftaran lawatan tapak, kontraktor dikehendaki membawa Sijil-Sijil ASAL dan dokumen berikut :-
- i) Pendaftaran Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) – Taraf Bumiputera
 - ii) Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
 - iii) Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - iv) Kad Pendaftaran Personel Dalam Sektor Binaan – Kad hijau CIDB
 - v) Bagi sijil-sijil yang telah tamat tempoh atau Surat Kebenaran Khas, perakuan kelulusan dari agensi/pemilik yang sah yang terlibat perlu dikemukakan.
4. **HANYA KONTRAKTOR YANG MEMENUHI KELAYAKKAN SAHAJA DIBENARKAN MENYERTAI LAWATAN TAPAK DAN DIBENARKAN MEMBELI DOKUMEN TENDER.**
5. Syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia hendaklah mengemukakan salinan pendaftaran dan mengambilkira kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP/GST).

6. Pembelian Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakilnya yang SAH sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor atau wakilnya hendaklah membawa surat kuasa (wakil) dan semua sijil asal yang dikeluarkan oleh BPKU, CIDB dan SPKK beserta satu (1) salinan sijil-sijil dan dokumen diatas. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan dokumen tender tidak akan dijual dan dikeluarkan.
7. Bayaran bagi pembelian dokumen tender boleh dibuat secara tunai, kiriman wang, wang pos, bank draf atau cek atas nama Yg. Dipertua, Majlis Perbandaran Nilai, Negeri Sembilan.
8. Dokumen tender yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan, dilakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 2, Majlis Perbandaran Nilai. Dokumen tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
9. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Semua perbelanjaan bersabit dengan tender ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri.

Tarikh : 30hb Januari 2018

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN NILAI.**